



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	30/6/2021	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

Pejabat Hutan turut musnahkan ribuan tanaman haram di Hutan Simpan Klau

350 pokok musang king ditebang



KAKITANGAN Pejabat Hutan Daerah Raub menebang pokok durian musang king yang ditanam di tanah seluas 12 hektar di Hutan Simpan Klau di Raub semalam.

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

RAUB – Pejabat Hutan Daerah Raub memusnahkan kira-kira 350 batang pokok durian musang king berusia enam bulan hingga tiga tahun yang ditanam secara haram di Kompartmen 48, Hutan Simpan Klau, di sini kelmarin.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah Raub, Shahri Mohamad berkata, dalam operasi bermula pukul 9 pagi itu pihaknya turut menebang pelbagai jenis pokok seperti pisang, nangka, cempedak dan petai yang ditanam di tanah seluas lebih 12 hektar itu.

"Ketika operasi, pihak kami tidak menemui individu dalam kawasan ladang berkenaan yang dipercayai terlebih dahulu bertindak meninggalkan tempat itu sebelum serbuan dilakukan.

"Operasi pemusnahan ladang haram yang bermula semalam (kelmarin) dijangka mengambil masa selama empat hingga lima hari," katanya yang turut menyertai operasi berkenaan.

Menurutnya, operasi tersebut disertai 30 kakitangan jabatan hutan yang terdiri daripada Unit Tindakan Khas (UTK) Raub dan Unit Penguat Kuasa (UPK) Zon Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) di bawah pengawasan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub.

Katanya, selain memusnahkan pokok yang ditanam pihaknya turut bertindak merobohkan pondok atau rumah kongsi sementara yang dipercayai menjadi tempat tinggal individu dan pekerja ladang berkenaan.

"Usaha memusnahkan tanaman yang ditanam secara haram

itu mengambil masa panjang kerana mereka yang terbabit dalam operasi itu menggunakan parang untuk menebang lebih 4,000 pokok pisang dan durian musang king bersaiz kecil," katanya.

Sementara itu, kata beliau, pihaknya tidak akan berkompromi dan bertolak ansur dengan individu yang bertindak menceroboh hutan simpan di daerah ini, tindakan tegas menanti mereka mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.

"Kita akan terus berusaha mengesan kegiatan menceroboh hutan simpan di daerah ini, pelbagai cara akan digunakan bagi memastikan kesalahan itu dapat segera disekat," katanya.

Sebelum ini, pihaknya memusnahkan sebanyak 3,500 pokok durian musang king di Hutan Simpan Sempam, Mukim Tras.